SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2020 Perakaunan Semester 1 ACS + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN 6
SEMESTER 1 STPM 2020
PERAKAUNAN
948/1

(Dua jam)

Arahan kepada calon :
JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN
*Jawab **empat** soalan sahaja. Anda boleh menjawab semua soalan **tetapi**, hanya **empat** jawapan pertama yang akan diperiksa.*

1 (a) Bagi setiap kes berikut, nyatakan sama ada prinsip perakaunan yang terlibat di **patuhi** atau **tidak dipatuhi** (selain kos sejarah) dan jelaskan dengan ringkas prinsip perakaunan tersebut.

(1) Kaedah susutnilai garis lurus diguna selama 8 tahun berturut-turut walaupun wujud kaedah lain yang lebih sesuai.

(2) Wang deposit yang dibayar oleh pelanggan untuk tempahan barangniaga pada tempoh perakaunan akan datang telah diiktiraf sebagai hasil bagi tempoh semasa walaupun barangniaga belum dihantar lagi. Ini adalah untuk meningkatkan jualan dan untung syarikat.

(3) Peratusan dan kaedah kiraan hutang ragu diterangkan dalam nota kepada akaun.

(4) Pelaburan sekuriti boleh pasar direkod pada nilai kos RM50,000 dan bukan nilai pasaran RM60,000.

(5) Belanja perjalanan pemilik perniagaan melancong ke Eropah bersama keluarganya telah dimasukkan sebagai belanja perjalanan perniagaan.

(6) En. John seorang pengusaha perabot telah membeli kayu secara kredit pada 1 April 2019 dan beliau hanya merekodkan urusniaga tersebut apabila pembayaran telah dibuat pada 30 Jun 2019.

(7) Gaji pekerja bagi bulan Disember 2018 belum lagi direkodkan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan tahun berkenaan kerana pihak pengurusan mengatakan ianya masih belum dibayar.

(8) Syarikat Ezy telah membeli sebuah peralatan pada harga RM 20 000 pada 1 Januari 2017. Aset ini mempunyai jangka hayat selama 5 tahun tetapi oleh kerana syarikat dijangka akan dibubarkan pada tahun 2019 , adalah dicadangkan bahawa aset ini disusutnilaikan atas tempoh 2 tahun.

(9) Syarikat XX telah membuat pelaburan sebanyak 20 000 unit saham dalam Syarikat Bavaria pada kos RM 2 seunit . Pada 31 Disember 2017 harga saham tersebut di Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) telah meningkat kepada RM3.50 seunit. Kenaikan dalam nilai itu telah direkodkan sebagai untung pelaburan tahun itu oleh Syarikat XX.

(10) Perniagaan Meena memiliki sebidang tanah yang dibeli lima tahun lalu pada harga RM300 000 telah dinilai semula oleh sebuah syarikat jurunilai hartanah bertauliah kepada RM500 000. Syarikat Meena merekodkannya pada harga RM500 000

[10]

(b) Berikut adalah maklumat berkaitan jualan dan belian inventori bagi Perniagaan WOW pada bulan Mei 2019

Tarikh	**Urus niaga**	**Unit**	**Harga seunit (RM)**
Mei 5	Jualan	1,000	17.00
8	Belian	800	14.00
12	Jualan	600	18.00
15	Belian	900	12.50
21	Jualan	300	17.50
27	Jualan	200	19.00

Perniagaan ini telah merekod inventori menggunakan sistem inventori berterusan. Baki awal inventori adalah 1,250 unit pada harga RM12.50 seunit.

Dikehendaki:

Kirakan kos barang dijual dan inventori pada 31 Mei jika syarikat menggunakan:

i) Kaedah MDKD
ii) Kaedah MKKD

[10]

2 (a) Bagi setiap yang berikut, berikan 1 contoh berserta catatan pelarasan yang diperlukan.

(i) Pelarasan bagi mengiktiraf belanja terakru.
(ii) Pelarasan bagi mengiktiraf belanja daripada bayaran terdahulu.
(iii) Pelarasan bagi peruntukan.

[5]

(b) Item aset bukan semasa pada 31 Disember 2018 bagi Alam Berhad adalah seperti berikut:

Aset bukan semasa	Kos (RM)	Susut nilai terkumpul
Mesin	200,000	80,000
Kenderaan	70,000	21,000
Perabot pejabat	22,000	6,600

Alam Bhd. menggunakan kaedah garis lurus untuk menilai susutnilai semua aset bukan semasa pada kadar 10% setahun.

Berikut adalah urusniaga berkaitan aset bukan semasa sepanjang tahun 2018

(1) Pada 1 Februari 2018 sebuah mesin dibeli bernilai RM25 000 secara tunai.

(2) Pada 31 Mac 2018, sebuah mesin telah dijual pada harga RM10 500. Mesin ini telah dibeli pada 1 Januari 2016 dengan kos RM15 000.

(3) Pada 31 Mei 2018 Alam Bhd. membeli sebuah bangunan bernilai RM 255 000 dengan bayaran pendahuluan sebanyak RM25 000 tunai dan bakinya melalui pinjaman dengan sebuah bank. Faedah tahunan dikenakan oleh bank ialah 9.5%

(4) Pada 1 Julai 2018 sebuah mesin yang telah dibeli berharga RM22 000 pada 1 Januari 2015, telah ditukar ganti dengan sebuah mesin baru berharga RM 24 000. Bayaran dibuat dengan cek sebanyak RM15 700 untuk mesin baru ini.

Dikehendaki:

(i) Sediakan catatan jurnal untuk menunjukkan urusniaga pembelian dan pelupusan aset bukan semasa untuk tahun 2018. [13]

(ii) Berikan **dua** perbezaan antara aset bukan semasa dan aset semasa [2]

3 (a) Kenapakah hasil belum terperoleh dikelaskan sebagai liabiliti semasa ? [2]

(b) Berikan maksud liabiliti bukan semasa besertakan contoh. [1]

(c) Pada 1 Februari 2019 , buku lejar Perniagaan Orang Kaya mempunyai baki liabiliti berikut :

Akaun belum bayar	RM 54,200
Cukai jualan belum bayar	RM 6,600
Pinjaman	RM 69,600
Faedah belum bayar	RM 360

Urusniaga bagi bulan Februari adalah seperti berikut :

Feb 1	Pinjaman di atas adalah baki pinjaman perniagaan berjumlah RM 72,000 yang diterima pada 1 November 2018 dengan kadar faedah 6% setahun bagi tempoh 5 tahun . Bayaran ansuran pinjaman dan faedah bermula bulan berikutnya pada hari pertama setiap bulan.
1	Mendapat RM 45,000 dari Bank Muhibah untuk pinjaman berbentuk Nota Belum Bayar , 8 bulan , 10% .
1	Membeli peralatan yang berharga RM 30,000 melalui pembayaran cek RM 10,000 dan bakinya dijelaskan dengan nota belum bayar 9%.
2	Menerima hasil sewa sebanyak RM 7,200 daripada PYF bagi sewa sebahagian premis untuk tempoh setahun .
10	Perniagaan Orang Kaya didakwa untuk RM 10,000 dalam satu kes mahkamah . Walaupun begitu, keputusannya adalah tidak pasti .
13	Membeli barang niaga daripada Perniagaan Aktif sebanyak RM 23,500 secara kredit .
15	Menjelaskan cukai jualan tahun lepas kepada Jabatan Kastam .
25	Menjual satu keluaran baharu secara kredit sejumlah 600 unit pada harga RM 45 seunit . Cukai jualan untuk keluaran baharu ini adalah

	5% . Perniagaan menganggarkan bahawa 3% daripada nilai jualan perlu diganti dalam masa satu tahun tempoh jaminan .

Dikehendaki :

(i) Sediakan catatan jurnal untuk semua urusniaga di atas dan bagi urusniaga yang tiada catatan perlu tuliskan " Tiada Catatan " . [10]

(ii) Jurnalkan catatan pelarasan pada 28 Feb 2019 . [6]

(iii) Andaikan jumlah sebenar kerosakan keluaran yang di bawah jaminan adalah RM300 . Sediakan catatan jurnal . [1]

4 Berikut adalah maklumat-maklumat yang diambil daripada Koperasi MHS Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

	RM	**RM**
Modal Saham		800 000
Modal Yuran		2 904 000
Rizab Berkanun		430 960
Tanah dan Harta Milik Bebas	1 000 000	
Premis (kos)	750 000	
Lengkapan (kos)	300 000	
Susutnilai Terkumpul Lengkapan		90 000
Inventori pada 31.12.2018	90 000	
Akaun Simpanan Tetap	500 000	
Akaun Belum Bayar		70 000
Akaun Belum Terima	57 900	
Untung Terkumpul pada 1 Januari 2018		98 000
Pelaburan Jangka Panjang	500 000	
Bank	1 200 000	
Sewa Diterima		3 200
Untung Kasar		500 000
Wang Pertaruhan Ahli		50 000
Pinjaman Kepada Ahli	481 060	
Derma dan Sumbangan	15 030	
Belanja Insurans	6 000	
Belanja Alat Tulis dan Percetakan	3 300	
Belanja Utiliti	14 830	
Elaun Lembaga Pengarah	10 000	
Pelbagai Pendapatan		41 760
Belanja Gaji dan Elaun Pekerja	30 650	
Kempen Keanggotaan	14 770	
Faedah Pertaruhan Ahli	1 190	
Belanja Mesyuarat	14 250	
Faedah Simpanan Tetap		12 000
Bonus Pekerja	10 940	
	4 999 920	**4 999 920**

Maklumat tambahan:

(1) Peraturan-peraturan berikut ditetapkan oleh koperasi bagi setiap kemasukan ahli baru seperti di bawah:

	RM
Bayaran pendaftaran ahli baru	20
Modal saham	500
Modal yuran ahli setiap bulan	50

Caruman bagi modal yuran oleh ahli dibuat melalui potongan gaji pada akhir setiap bulan.

(2) Pada 1 November 2018, seramai 10 orang ahli lama menarik diri daripada menjadi ahli koperasi. Mereka telah menganggotai koperasi pada 1 November 2016 dan Lembaga Pengarah koperasi bersetuju untuk mengembalikan modal mereka dalam koperasi. Perkara ini belum direkodkan.

(3) Jualan barang-barang dagangan koperasi diniagakan atas dasar 20% atas harga jualan.

(4) Lengkapan disusutnilaikan sebanyak 10% setahun atas kos.

(5) Sebahagian daripada keuntungan bersih koperasi ini diperuntukkan seperti berikut:

(i) sebanyak 13% dipindahkan kepada rizab berkanun.
(ii) sebanyak 2% dipindahkan kepada kumpulan wang amanah pendidikan koperasi.
(iii) sebanyak 1% dipindahkan kepada kumpulan wang amanah pembangunan koperasi.
(iv) cadangan dividen atas modal saham sebanyak 6%.
(v) cadangan dividen atas modal yuran sebanyak 3%.
(vi) cadangan bayaran honorarium kepada Ahli Lembaga Pengarah RM20 000.
(vii) ribet jualan dicadangkan sebanyak 8%.

Dikehendaki:

(i) Penyata pendapatan komprehensif Koperasi MHS bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
(ii) Penyata pembahagian untung rugi Koperasi MHS bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
(iii) Penyata kedudukan kewangan Koperasi MHS pada 31 Disember 2018.

[20]

5 (a) Apakah tindakan yang perlu diambil jika terdapat akaun tergantung? [2]

(b) Perniagaan Seroja menawarkah perkhidmatan dobi yang beroperasi di Kompleks MARA. Perniagaan Seroja telah dimulakan pada 1 April 2019. Pemiliknya, Encik Santosh telah melaburkan tunai sebagai modal perniagaan yang telah digunakan untuk membeli peralatan bernilai RM 6,000, kelengkapan RM 1,800, bekalan RM 1,400 dan deposit sewa. Peralatan dan kelengkapan dijangka digunakan selama 5 tahun. Kompleks MARA mengenakan bayaran sewa pada kadar RM 400 sebulan dan RM 150 sebulan untuk utiliti. Kompleks MARA juga menetapkan bayaran deposit sewa untuk dua bulan.

Encik Santosh dibantu dua orang pekerja yang dibayar upah sebanyak RM 480 sebulan seorang. Encik Santosh turut membayar elaun makan sebanyak RM 192 sebulan bagi setiap pekerja dan dirinya.

SKEMA JAWAPAN ACS K1 PERCUBAAN 2020

SOALAN 1.

a)

i. **) PATUH prinsip Ketekalan √ –** Kaedah susutnilai yang sama diguna secara bertetusan supaya ada asas bandingan yang sama.√

ii) **TIDAK PATUH prinsip Pengiktirafan hasil / realisasi √-**Perniagaan hanya akan mengiktiraf hasilnya dalam tempoh hasil diperoleh , bermakna barangniaga / perkhidmatan telah diserahkan kepada pelanggan dan obligasi wujud √

iii) PATUH prinsip Pendedahan Penuh √ – Menyampaikan semua maklumat penting kepada pengguna akaun √

iv) **PATUH prinsip Konservatisme √** – Lapor pada terendah Antara kos atau pasaran supaya aset tidak terlebih lapor/nyata. √

v) **TIDAK PATUH prinsip Entiti berasingan √**– Perniagaan dan pemilik dianggap dua entiti / badan berlainan √

vi) **TIDAK PATUH prinsip Pengiktirafan hasil / realisasi √-** Perniagaan hanya akan mengiktiraf hasilnya dalam tempoh hasil diperoleh , bermakna barangniaga / perkhidmatan telah diserahkan kepada pelanggan dan obligasi wujud √

vii) **TIDAK PATUH prinsip Pemadanan √** – Padan hasil dengan belanja yang sebenar berlaku dalam tempoh yang sama √

viii)**TIDAK PATUH prinsip usaha berterusan √-**andaian bahawa sesebuh perniagaan akan beroperasi dalam jangka masa yang tidak terbatas √

ix)**TIDAK PATUH prinsip Konservatisme √** – Lapor pada terendah Antara kos atau pasaran supaya aset tidak terlebih lapor. √

x) **TIDAK PATUH prinsip Keobjektifan √** – Harga belian asal dapat dibukti secara odjektif dengan dokumen. √

MARKAH = (√=½)

(a) (i) **Kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu (MDKD)**

	Masuk			Keluar			Baki		
	Unit	Kos RM	Jumlah	Unit	Kos RM	Jumlah	Unit	Kos RM	Jumlah
1							1,250	12.50	15,625
5				1,000	12.50	12,500**√**	250	12.50	3,125
8	800	14.00	11,200**√**				250 800	12.50 14.00	3,125 11,200
12				250 350	12.50 14.00	3,125**√** 4,900**√**	450	14.00	6,300
15	900	12.50	11,250**√**				450 900	14.00 12.50	6,300 11,250
21				300	14.00	4,200**√**	150 900	14.00 12.50	2,100 11,250
27				150 50	**14.00** **12.50**	**2,100√** **625√**	850	12.50	**10,625√**
				KBDJ		**27,450√**	Kos Inventori		**10,625**

Kos Barang Dijual 31 Mei = RM27,450
Inventori akhir = RM10,625

(b) ii) **Kaedah Keluar Dahulu Keluar Dahulu (MKKD)**

	Masuk			Keluar			Baki		
	Unit	Kos RM	Jumlah	Unit	Kos RM	Jumlah	Unit	Kos RM	Jumlah
1							1,250	12.50	15,625
5				1,000	12.50	12,500**√**	250	12.50	3,125
8	800	14.00	11,200**√**				250 800	12.50 14.00	3,125 11,200
12				600	14.00	8400**√**	250 200	12.50 14.00	3125 2800
15	900	12.50	11,250**√**				250 200 900	12.50 14.00 12.50	3125 2800 11250
21				300	12.50	3750**√**	250 200 600	12.50 14.00 12.50	3125 2800 7500
27				200	**12.50**	**2,500√**	250 200 400	12.50 14.00 12.50	3125**√** 2800**√** 5000**√**
				KBDJ		**27,150√**			

Kos Barang Dijual 31 Mei = **RM27,150**
Inventori akhir = RM3125 + 2800+5000 = **RM 10925**

MARKAH =(√=½)

	(merekod belanja susutnilai bangunan)		
	(pengiraan : 255,000 x 10% x 7/12 = 14,875)		
Dis 31	Faedah pinjaman(230000x9.5%x7/12)	12746//	
	Faedah pinjaman belum bayar		12746/
	(merekod faedah pinjaman belum bayar)		

/ = ½ = 26/ = 13 markah

(ii)

Perbezaan antara aset bukan semasa dan aset semasa

	Aset bukan semasa		Aset Semasa
1	Manfaat/ hayat kekal melebihi daripada 1 tempoh perakaunan./	1	Manfaat penggunaan dalam tempoh perakaunan/
2	Tidak mudah bertukar kepada tunai dalam tempoh perakaunan.	2	Boleh ditukar kepada tunai dalam tempoh perakaunan/
3	Membantu melancarkan perniagaan	3	Dibeli untuk dijual semula cth inventori

/ = ½ (4 X ½) = 2m

SOALAN 3

(a) Hasil belum terperoleh adalah hasil yang mana bayarannya telah diterima tetapi barangan atau perkhidmatan belum diberikan // . Ianya merupakan liabiliti sehingga barang diserahkan atau perkhidmatan disempurnakan pada masa akan datang // . (4 x / = 2m)

(b) Liabiliti bukan semasa merujuk kepada obligasi atau liabiliti yang akan dibayar melebihi satu tempoh perakaunan./ Contoh: Nota belum bayar jangka panjang, pinjaman jangka panjang, debentur, bon dan lain-lain. (pilih satu contoh sahaja)./ (2x/=1m)

(c) (i)

Tarikh	Perkara	DT (RM)	KT (RM)
Feb 1	Pinjaman	1,200//	
	Faedah belum bayar	360/	
	Bank		1,560/
	(merekod ansuran pinjaman bersama faedah)		

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar